

# **Valide Sultan: Golongan Harem paling Berpengaruh dalam Pentadbiran Dawlah<sup>C</sup>uthmāniyyah**

***Valide Sultan: The Most Influential Harem Group in the Administration of Dawlah Cuthmāniyyah***

Nurul Syafina Binti Rosman

<sup>1</sup>Ermy Azziaty Binti Rozali

Pusat Rantau Timur Tengah Dan Nusantara

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>Correspondence: ermy@ukm.edu.my

## **ABSTRAK**

*Pengaruh dan campur tangan golongan harem terutamanya valide sultan dalam politik Dawlah<sup>C</sup>uthmāniyyah membawa kepada satu corak pentadbiran yang berlainan daripada sebelumnya. Keterlibatan mereka telah membawa kepada era ‘kesultanan wanita’ iaitu kuasa dan urusan dawlah berada di bawah pengaruh mereka. Pada ketika itu sultan hanyalah pada nama sahaja tanpa sebarang kekuasaan mutlak dan mereka hanya mengikut segala arahan serta perintah valide sultan. Tumpuan kajian ini adalah kepada pengaruh golongan harem iaitu valide sultan semasa era ‘kesultanan wanita’ pada abad ke-16 dan abad ke-17. Objektif kajian adalah untuk menganalisis bentuk pengaruh valide sultan dalam struktur pentadbiran dawlah<sup>C</sup>uthmāniyyah. Kajian ini berpandukan kepada kajian kualitatif yang berbentuk kajian sejarah dengan mengaplikasikan kaedah kritikan dalaman. Hasil kajian mendapati bahawa valide sultan mempunyai pengaruh yang besar disebabkan oleh kelemahan para sultan pada ketika itu. Seterusnya situasi ini telah membuka peluang kepada mereka untuk berkuasa dalam beberapa aspek pentadbiran seperti pelantikan sultan, pegawai kerajaan dan pengurusan wakaf.*

**Kata kunci:** Valide sultan, harem, ‘kesultanan wanita’, Dawlah<sup>C</sup>uthmāniyyah

## **1. Pengenalan**

Dawlah<sup>C</sup>uthmāniyyah telah melalui pelbagai fasa daripada awal kemunculannya sehingga era kejatuhan. Memainkan peranan sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab terhadap sistem khilafah Islam bukanlah suatu yang mudah. Kerajaan yang muncul sekitar abad ke-13M ini menghadapi titik permulaan kelelahannya pada abad ke-16M. Menurut Fadhlullah (2011) para sejarawan kebanyakannya berpendapat zaman kemunduran dan kelemahan Dawlah<sup>C</sup>uthmāniyyah berlaku selepas kematian Sultan Sulayman al-Qanuni pada tahun 1566M, namun ada juga yang berpendapat unsur-unsur kelelahan telah muncul sejak akhir pemerintahan beliau. Kerajaan<sup>C</sup>uthmāniyyah pernah berada di posisi hebat dengan menguasai tiga benua iaitu Timur dan Barat, termasuk juga benua Afrika dan perkara tersebut telah menjadikan mereka sebagai kuasa yang

dihormati namun seakan membenarkan teori kitaran Ibn Khaldun, kerajaan ini mengalami kitarannya yang tersendiri dan akhirnya mengalami zaman kemerosotan (M. Roslan, 2011).

Pada abad ke-16M adalah zaman kemuncak kegemilangan Dawlah ‘Uthmaniyyah malah dalam pada masa yang sama juga menjadi titik bermulanya zaman kelemahan. Tempoh 1603M sehingga 1789M telah dicirikan sebagai proses desentralisasi dan Dawlah ‘Uthmaniyyah pada ketika itu dalam keadaan yang lemah, malah Findley (2006) menjelaskan lagi bahawa tempoh 1603M sehingga 1838M adalah tempoh masa di mana berlakunya krisis dan perubahan dalam urusan pentadbiran kerajaan. Faktor politik adalah unsur utama yang membawa kepada kejayaan mahupun kemerosotan dan keruntuhan sesebuah kerajaan, jika sistem politik dan pentadbiran yang tidak kukuh dan kurang stabil maka perkara tersebut menjadi punca utama kemerosotan sesebuah kerajaan (Nurul, 2004). Bermula pada separuh kedua abad ke-16M, sultan secara beransur-ansur menarik diri dari arena politik, namun beliau telah mengagihkan kuasa tersebut kepada pegawai kerajaan, yang diketuai oleh perdana menteri: oleh itu, tumpuan politik beralih dari sultan kepada golongan elit (Atçıl, 2016). Kelemahan para sultan telah menyebabkan campur tangan terhadap urusan pentadbiran dawlah oleh pelbagai pihak terutamanya golongan harem iaitu *valide sultan*.

Kesan pengaruh dan campur tangan golongan harem dalam politik Dawlah ‘Uthmaniyyah membawa kepada satu corak pentadbiran yang berlainan daripada sebelumnya. Permulaan kebangkitan penguasaan harem adalah salah satu perkembangan yang paling dramatik dalam sejarah Dawlah ‘Uthmaniyyah pada abad ke-16M iaitu bermula semasa era pemerintahan Sultan Sulayman al-Qanuni yang menaiki takhta pada 1520M. Pada abad ke-16M dan ke-17M harem mempunyai status yang tinggi dan lebih besar berbanding sebelum dan selepas era tersebut sehingga mampu memiliki kuasa politik dan terkenal di sisi masyarakat awam (Peirce, 1993). Persaingan antara isteri-isteri Sultan Sulayman iaitu Hurrem dan Mahidevran, menimbulkan permasalahan yang kemudiannya mewujudkan satu era dikenali dalam sejarah ‘Uthmaniyyah sebagai ‘kesultanan wanita’ dan proses tersebut telah mengubah struktur politik dawlah ini (Agoston, 2009). ‘Kesultanan wanita’ yang muncul semasa era pengaruh Hurrem Sultan iaitu ketika pemerintahan Sultan Sulayman ini berterusan sehingga era Sultan Mehmed IV (Akgunduz & Ozturk, 2011).


## 2. Sorotan Kajian Lepas

### 2.1 Definisi Harem dan Konsep Valide Sultan

Menurut Peirce (1993) perkataan harem secara spesifiknya merujuk kepada wanita yang membawa makna penghormatan, kemurnian dan kesucian, yang kedua pula harem merujuk kepada tempat privasi yang didiami oleh wanita dan ruang ini dikawal rapi daripada sebarang perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam, malah kemasukan individu tertentu ke dalam kawasan ini terutamanya lelaki disekat dan dilarang. Dalam Dawlah ‘Uthmaniyyah, harem adalah struktur bahagian yang terdapat di Istana Topkapi dan secara eksklusif sebagai tempat kediaman para isteri, gundik, saudara perempuan dan hamba yang hanya terbuka kepada sultan dan sida-sida serta tidak dapat dilihat oleh dunia luar (Lapidus, 2014). Walaupun pada kebiasaan orientalis meletakkan Islam sebagai pelopor kepada sistem harem, namun sebenarnya harem diketahui telah wujud semasa tamadun pra Islam di kawasan Timur Tengah (*The New Encyclopaedia Britannica*, 1995). Dawlah ‘Uthmaniyyah hanya meminjam dan menggunakan sistem ini daripada amalan pihak Byzantine (Fadhlullah, 2011). Walaupun institusi harem bukan diperkenalkan oleh Islam namun amalan mewujudkan kawasan yang

tertutup bagi wanita amat bersesuaian dengan prinsip agama Islam yang menjaga dan memelihara golongan wanita. Oleh yang demikian, Islam telah mengadaptasi amalan tersebut ke dalam tamadunnya sendiri.

Harem mempunyai dua fungsi iaitu yang pertama ialah sebagai kediaman bagi keluarga diraja dan fungsi yang kedua pula ialah sebagai kediaman dan institut latihan bagi golongan wanita iaitu golongan harem (Peirce, 1993). Stratifikasi sosial harem mempunyai dua pembahagian iaitu yang pertama ialah golongan harem diraja atau juga boleh dikenali sebagai golongan elit harem dan yang kedua pula ialah golongan harem yang terlibat dalam urusan pentadbiran. Akgunduz dan Ozturk (2011) membahagikan harem kepada dua kelompok besar iaitu yang pertama ialah golongan harem yang digauli oleh sultan seperti isteri dan juga gundik terdiri daripada *gozde*, *ikbal*, *kadin efendi* dan *Valide sultan*. Sungguhpun begitu, sultan hanya menggauli golongan harem yang tertentu sahaja. Manakala golongan kedua pula ialah golongan harem yang menjadi hamba iaitu yang bekerja dan berkhidmat di dalam institusi ini iaitu *acemi*, *jariye* (hamba), *kalfas* dan *sakirds* (hamba yang berpengalaman) dan kelompok yang tertinggi ialah *usta* dan *gedikli jariye* (penyelia) (Akgunduz & Ozturk, 2011).



RAJAH 1. Stratifikasi Sosial Golongan Harem

Semasa pemerintahan Sultan Salim II, pengaruh golongan harem itu mencapai kemuncaknya, sehingga muncul era yang dikenali sebagai "kesultanan wanita," yang bertahan sehingga abad seterusnya (Shaw, 1976). Pada era 'kesultanan wanita' dapat dilihat bahawa golongan harem yang berkedudukan sebagai *valide sultan* memainkan peranan yang sangat penting kepada corak dan struktur pentadbiran negara. Wanita pertama yang membawa gelaran *valide sultan* ialah Hafsa Sultan, iaitu ibu kepada Sultan Sulayman. *Valide sultan* mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam urusan dawlah dan mempengaruhi keputusan yang diambil oleh anak-anak mereka yang mana mempunyai pengaruh politik yang luar biasa pada ketika itu (Duzbakar, 2006). *Valide sultan* merupakan hierarki yang paling tinggi di dalam harem. Sebelum mencapai darjah *valide sultan*, beliau berada pada darjah *bas haseki* iaitu ibu kepada putera sulung diraja dan

ketua wanita diraja. Apabila anaknya menjadi sultan maka beliau menjadi *valide* dan memerintah harem (Akgunduz & Ozturk, 2011). Gelaran *valide sultan* dalam Dawlah ‘Uthmaniyyah hanya sah digunakan jika anaknya menjadi sultan dan akhirnya membawa kepada kemunculan era ‘kesultanan wanita’ disebabkan oleh status mereka sebagai ibu sultan yang memerintah (Duzbakar, 2006).

Dalam sejarah Dawlah ‘Uthmaniyyah, keupayaan melahirkan anak kepada sultan memberikan peluang seseorang wanita itu berkuasa kerana ibu akan mengiringi atau membimbing anaknya sepanjang berada di atas takhta pemerintahan maka kejayaan seseorang sultan itu melambangkan kejayaan ibunya juga. Harem adalah seperti sekolah untuk golongan wanita dan institusi diraja yang secara beransur-ansur memperolehi kuasa disebabkan oleh perubahan dalam sistem pendidikan *sehzade* (putera mahkota) yang pada mulanya berasaskan tradisi menghantar mereka ke *sancaks* untuk mempelajari aspek politik yang mana ibunya juga akan mengiringi *sehzade* ke *sancak*. (Sumertas, 2008). Menurut Sumertas lagi bermula dari abad ke-16M dan seterusnya, *sehzade* tidak lagi dihantar ke *sancak* tetapi tinggal di harem dan dibesarkan di bawah pengaruh ibu mereka. Kebanyakan tugas serta tanggungjawab mereka sebagai *sehzade* dipenuhi dan dilakukan oleh ibu mereka. Ketika pemerintahan Sultan Salim II bermulanya tradisi di mana para putera hanya tinggal di dalam harem tanpa mendapat pendidikan atau pengalaman yang diperlukan untuk memerintah dengan berkesan, yang mana sebelum itu pada kebiasaannya para putera mahkota yang bakal menaiki takhta akan dilatih dengan tugas pentadbiran dan ketenteraan di wilayah-wilayah tertentu (Shaw, 1976).

Selain daripada itu juga, *valide sultan* mempunyai keistimewaan dari segi penempatan di dalam harem di Istana Topkapi. Pembinaan Istana Topkapi bermula pada tahun 1459M setelah Istanbul menjadi ibu kota bagi Dawlah ‘Uthmaniyyah dan peranannya adalah dalam mencerminkan pemerintahan Dawlah ini (Mehmet et al. 2017; Junne 2016). Manakala transformasi institusi harem pula berlaku semasa era pemerintahan Sultan Sulayman khususnya apabila beliau telah mengintegrasikan kediaman bagi keluarga diraja. Menjelang akhir abad ke-16M, tiada lagi ahli keluarga diraja meninggalkan ibu kota, kecuali sultan sendiri, mereka yang sebelum ini mempunyai tugas di luar telah beransur-ansur pulang dan menetap di Istanbul (Peirce 1993). Oleh disebabkan itu berlakunya pertambahan penghuni di dalam istana apabila kesemua ahli keluarga diraja dikumpulkan dan disatukan di Istanbul. Semasa abad ke-16M, sultan melebarkan keluasan halaman pertama dan kedua istana, serta halaman privasi ketiga telah diubah terutamanya ruang harem dengan menambahkan keluasan dan pavilion baru di taman-taman (Mehmet et al., 2017).

Istana Topkapi menjadi istana utama kepada Dawlah ‘Uthmaniyyah yang berfungsi sepenuhnya dalam urusan seperti politik dan sosial bermula pada abad ke-15M sehingga abad ke-19M. Menurut Shaw (1976) Istana Topkapi ini menjadi kediaman diraja dan pusat pentadbiran sehingga abad ke-19M. Perkara ini menjadi salah satu faktor yang membawa kepada peningkatan kuasa golongan harem ini kerana mereka dengan mudah dapat mengakses maklumat politik dan isu-isu yang dibincangkan di dewan majlis yang mana terletak betul-betul bersebelahan dengan penempatan harem di Istana Topkapi (Sumertas, 2008). *Valide sultan* juga mendominasi ruang di dalam harem yang mana mempunyai bilik peribadi untuk kegunaan ketika bersantai dan menerima kunjungan tetamu, berehat dan tidur (Greene, 2009). Malah kedudukan ruang bagi *valide sultan* yang terletak di pertengahan harem telah mewujudkan dua pembahagian iaitu yang dikenali sebagai *service wing* dan *family wing*, maka kedudukan strategik kediaman bagi valide sultan itu membolehkan beliau memantau situasi yang berlaku di dalam harem (Peirce, 1993).

Di samping itu juga, kedudukan status *valide sultan* yang tinggi itu membolehkan golongan harem tersebut mendapatkan kepentingan tertentu yang mana sangat berpengaruh dalam urusan pentadbiran kerajaan dan menyebabkan pelbagai masalah dalam hal ehwal politik dan sosial (Duzbakar, 2006). Perbezaan status dan kedudukan yang wujud di dalam harem memungkinkan berlakunya persaingan dan konflik dalam kehidupan sehari-hari bagi mencapai kedudukan yang lebih tinggi dan selesa khususnya bagi merebut status *valide sultan*. Situasi ini menyebabkan berlaku pertembungan di antara isteri-isteri sultan yang bercita-cita untuk menjadikan anaknya sebagai pengganti sultan yang seterusnya. Meskipun kuasa *valide sultan* adalah mutlak namun kadang kalanya berlaku juga pergeseran di antaranya dengan isteri kepada anaknya (Fadhlullah, 2011). Oleh itu terdapat peningkatan jumlah pembinaan bangunan atas nama golongan wanita tersebut pada abad ke-16M dan seterusnya sebagai asas dan kekuasaan mereka dalam Dawlah ‘Uthmaniyyah (Sumertas, 2008). *Valide sultan* menggunakan pelbagai cara untuk mengukuhkan pengaruh mereka. Peirce (1993) menyatakan bahawa golongan wanita era pemerintahan Sultan Sulayman membina bangunan awam sebagai model kepada kedudukan *valide sultan* untuk generasi masa akan datang.

## 2.2 Pengaruh *Valide Sultan* dalam Pentadbiran Dawlah ‘Uthmaniyyah

### 2.2.1 Politik

Pemilihan putera diraja dipilih daripada individu yang paling berpengaruh dan disukai oleh golongan pembesar oleh kerana sultan mempunyai isteri yang ramai maka berlaku pertembungan di antara mereka untuk merebut takhta kerajaan (Fadhlullah, 2011). Bermula pada era Sultan Sulayman, *valide sultan* mempunyai kedudukan istimewa dengan menikmati pengaruh yang besar dan hebat (Neumann, 2009). Oleh itu pelbagai strategi digunakan isteri-isteri sultan untuk menjadikan anaknya sebagai sultan kerana secara tidak langsung mereka juga akan mendapat kepentingan dan pengaruh apabila menerima status *valide sultan*. Dalam keadaan yang demikian, wujud satu mekanisme yang dinamakan sebagai *fratricide* yang mana sistem ini membolehkan hanya seorang sahaja putera mahkota yang masih hidup dan dilantik sebagai pengganti sultan (Shaw, 1976).

*Fratricide* ini adalah sistem di mana berlaku pembunuhan terhadap putera-putera sultan yang memberontak kerana ingin menuntut hak menjadi sultan (Akgunduz & Ozturk, 2011). Antara sultan dalam tempoh era pengaruh *valide sultan* ini yang menyingkirkan adik-adik mereka sendiri ialah Sultan Osman II dan Murad IV yang mana kedua-duanya terlibat dalam kempen ketenteraan oleh itu mereka ini meninggalkan dawlah untuk tempoh masa yang panjang. Maka *fratricide* muncul untuk mengurangkan kemungkinan ancaman sebenar terhadap kedudukan sultan di atas takhta (Peirce, 1993). Amalan penyingkiran saudara lelaki mereka dan perkara tersebut dilaksanakan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh ulama, yang mana mengisyiharkan *fratricide* sebagai satu tindakan yang boleh dilaksanakan demi kestabilan Dawlah ‘Uthmaniyyah (Evrensel & Minx, 2016). Situasi tersebut telah menyebabkan berlaku konflik politik di dalam istana antara saudara lelaki atau anak lelaki sultan yang masing-masing kebiasaannya dibantu oleh ibu atau isteri mereka di sebalik usaha untuk mendapatkan takhta pemerintahan Dawlah (Shaw, 1976).

Sistem *fratricide* ini telah dilaksanakan sejak awal lagi namun semasa era kesultanan wanita keterlibatan *valide sultan* sama dalam hal ini memburukan lagi keadaan. sebagai contoh Sultan Sulayman al-Qanuni termakan hasutan Hurrem Sultan sehingga menyebabkan berlaku penyingkiran terhadap putera mahkota iaitu Mustafa dan akhirnya Sultan Salim II, anak kepada Hurem Sultan yang berjaya menaiki takhta kerajaan. Namun menurut Akgunduz dan Ozturk

(2011) situasi ini berlaku disebabkan tindakan pemberontakan yang dilakukan oleh Mustafa oleh itu bukan sahaja mufti mengeluarkan fatwa supaya disingkirkannya daripada menjadi putera mahkota malah hakim turut sama menyatakan pendirian sebegitu. Dari tahun 1617M amalan *fratricide* tidak lagi digunakan, dan digantikan pula dengan proses yang mendahuluikan waris lelaki yang paling sulung untuk menjadi sultan yang seterusnya. (Findley, 2006). Sultan Ahmed 1 telah menghapuskan amalan pembunuhan sesama keluarga *fratricide* dan memperkenalkan sistem perlantikan sutan berdasarkan *akhbariye* (yang lebih tua) dan *arshdiyye* (yang lebih matang) (Abdul Rahman, 2019).

### **2.2.2 Pentadbiran Istana**

Pengaruh *valide sultan* dalam urusan pentadbiran istana dapat dilihat apabila golongan harem ini sendiri memberikan latihan kepada bakal sultan. Situasi ini dapat dilihat apabila Sultan Murad III merupakan sultan terakhir yang menaiki takhta dengan pengalaman berperang, beliau juga adalah sultan terakhir yang menghantar anaknya sebagai gabenor wilayah; selepas itu, putera-putera diraja dipelihara di dalam harem dan tidak memperoleh pengalaman sebelum memegang tampuk pemerintahan (Findley, 2006). Walaupun jika seorang putera mahkota yang bijak berjaya menaiki takhta pemerintahan, beliau tidak mampu memperbaharui sistem yang sedia kerana tidak mendapat latihan dan pengalaman dalam urusan pentadbiran seperti sultan Dawlah °Uthmaniyyah di peringkat awal (Shaw, 1976). Perkara ini menyebabkan seseorang sultan itu hilang kewibawaannya dalam mentadbir Dawlah dengan cekap dan bijaksana. Selain itu pengaruh *valide sultan* lebih besar apabila sultan yang dilantik itu mempunyai masalah kesihatan, seperti Sultan Mustafa I dan sultan-sultan yang menaiki takhta ketika umur yang masih mentah seperti Ahmed I, Murad IV atau Mehmed IV (Neumann, 2009).

JADUAL 1. Senarai Valide Sultan era ‘Kesultanan Wanita’

<b>Valide Sultan</b>	<b>Sultan</b>	<b>Umur Ketika Menjadi Sultan (Halim 1988)</b>
Hurrem Sultan	Sultan Salim II	42
Nurbanu Sultan	Sultan Murad III	28
Safiye Sultan	Sultan Muhammad III	29
Handan Sultan	Sultan Ahmad I	14
Halime sultan	Mustafa I	30
Kosem Sultan	Murad IV	11
	Ibrahim	25
	Mehmed IV	7
Turhan Sultan		

Menurut Abdul Rahman (2019) Sultan Mehmed IV iaitu sultan terakhir semasa era ‘Kesultanan Wanita’, menaiki takhta ketika berumur 11 tahun oleh disebabkan itu urusan pemerintahannya dibantu oleh *valide sultan* iaitu Kosem Sultan dan *sadra a'zam* Kemankes Ali Pasya. Sejarah pemerintahan Sultan Mehmed IV dapat dibahagikan kepada tiga tempoh iaitu yang pertama bermula dari tahun 1648M hingga 1656M dikenali sebagai zaman naib sultan (*vicegerent*), di mana yang berkuasa penuh ialah neneknya (*buyuk valide*) Kosem Sultan, kemudian diikuti pula oleh penguasaan ibunya Turhan Sultan. Konflik yang berlaku di dalam istana antara ibu dan nenek kepada Sultan Mehmed IV ini yang berebut kuasa menyebabkan Kosem Sultan sendiri terbunuh (Akgunduz & Ozturk, 2011). Selain itu juga, berlaku komplot di antara *valide sultan* dan pembesar kerajaan dalam usahanya mencampuri urusan pentadbiran. Nurbanu Sultan

menguasai harem dan berkomplot menjatuhkan wazir besar pada ketika itu iaitu Muhammad Sokollu kerana memcemburi kuasa yang dimiliki oleh beliau (Fadhlullah, 2011; Abdul Rahman, 2019). Peranan besar yang dimainkan oleh harem ini menyebabkan pengaruh sultan semakin terhakis dalam menentukan polisi negara oleh itu melantik dan menyingkirkan perdana menteri adalah suasana yang sering berlaku pada ketika itu (Shaukhi, 2012).

### 2.2.3 *Ketenteraan*

Menjelang akhir abad ke-16M pula, perluasan wilayah oleh Khilafah ‘Uthmaniyyah mula perlahan kerana pada ketika itu Dawlah ini sedang mengalami permulaan fasa kelemahannya yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti pelantikan sultan yang tidak berwibawa, proses desentralisasi, pemusnahan institusi ‘Uthmaniyyah klasik dan kemerosotan sistem ketenteraan (Agoston, 2009). Pada saat itu juga menteri berperanan mengawal politik Dawlah, mengambil kuasa penuh dan tanggungjawab, sedangkan sultan hanya sebagai simbolis tertinggi sahaja (Atçıl, 2016). Fadhlullah (2011) menjelaskan bahawa perkahwinan sultan dengan wanita yang pada asalnya bukan beragama Islam boleh mempengaruhi suami dan anak-anaknya dalam sesuatu perancangan yang mereka kehendaki. Kelemahan para sultan telah menyebabkan campur tangan oleh pelbagai pihak terhadap urusan pentadbiran dawlah termasuk hal berkaitan ketenteraan. Pada ketika ini *valide sultan* bertindak sebagai perancang utama dalam urusan dawlah yang bersekongkol dengan golongan pentadbir yang lain.

Latar belakang etnik *valide sultan* sepanjang tempoh tahun 1299M hingga 1924M menunjukkan bahawa hanya kira-kira 13 peratus daripada *valide sultan* yang dikenalpasti berasal dari bangsa Turki sendiri dan *valide sultan* yang berasal dari Turki kebanyakannya hanya tertumpu pada zaman pra-pertengahan abad ke-15M (Everensel & Minx, 2016). Shaw (1976) pula menyatakan bahawa identiti etnik harem itu mempengaruhi geografi perkembangan ‘Uthmaniyyah yang mana dapat dilihat apabila terdapat ramai kaum etnik Balkan mentetap di dalam harem, perluasan kuasa Dawlah Uthmaniyah beralih ke wilayah Afrika Utara dan Timur Tengah. Di samping itu juga, menurut Abdul Rahman (2019) Hurrem Sultan semasa masih menjadi *haseki* iaitu isteri kepada Sultan Sulayman, beliau mempengaruhi suaminya agar mencegah orang Tartar di Krimea memerangi Russia, padahal pada ketika itu Russia bukan sahaja telah menguasai sebahagian besar negeri Tartar, malah melakukan kezaliman dan memerangi Islam secara terang-terangan.

### 2.2.4 *Pentadbiran Wakaf*

Institusi harem tidak menghalang golongan wanita Dawlah ‘Uthmaniyyah untuk terlibat sama dalam mewakafkan sesuatu yayasan, membebaskan hamba dan melakukan amal kebaikan lain (Greene, 2009). Ibu, isteri-isteri dan adik-beradik perempuan kepada sultan ‘Uthmaniyyah serta kebanyakan wanita yang memiliki harta benda sendiri telah membuat sumbangan melalui nama mereka (Singer, 2009). Lapidus (2014) menyatakan bahawa walaupun harem institusi yang eksklusif dan tidak kelihatan oleh dunia luar, namun perkara tersebut tidak bermakna golongan wanita yang mendiami harem disekat daripada mempunyai kuasa, kewangan atau kebudayaan. Wakaf dan aktiviti kebaikan secara umumnya merupakan cara yang terbaik dan sesuai kepada wanita untuk mendekati masyarakat awam dengan lebih dekat. Dalam pada masa yang sama juga mendedahkan dan memberikan mereka peluang untuk mengambil bahagian dalam bidang politik (Singer, 2009).

Dalam Dawlah ‘Uthmaniyyah, imej sultan tidak disiarkan untuk penggunaan umum iaitu tidak dipaparkan pada wang, lukisan atau mana-mana media lain (Sumertas, 2008). Oleh hal yang demikian para sultan dan golongan elit seperti *valide sultan* menggunakan cara lain bagi menvariasikan bentuk kekuasaan mereka dan memperkuuhkan pengaruh mereka. Malah projek wakaf dan amal kebaikan yang dijalankan menunjukkan kepada komitmen seseorang pemerintah itu terhadap kebaikan rakyat. Maka situasi ini memberikan manfaat kepada pemerintah dengan mendapat sokongan dan dihormati masyarakat awam. Walaupun terdapat cara lain melambangkan kekuasaan sultan contohnya diraikan di dalam upacara atau terlibat dalam sesuatu pengadilan di mahkamah, namun seni bina menjadi mekanisme yang terbaik bagi menggantikan bentuk kekuasaan dan kedaulatan melalui lukisan ataupun mata wang kerana boleh dilihat, menarik dan kekal (Sumertas, 2008). Menurut Peirce (1993) bangunan atau monumen diwakafkan atau dibina atas nama golongan wanita diraja adalah ciri tradisional budaya Islam, khususnya di negara-negara yang dipengaruhi oleh warisan Turki-Mongol.

Antara projek wakaf yang dijalankan oleh *valide sultan* contohnya adalah dār al-Syifa' atau hospital merupakan bahagian penting yang terdapat di dalam kompleks masjid yang dibina oleh Mimar Sinan iaitu arkitek ‘Uthmaniyyah yang hebat dan projek ini di bawah naungan *valide sultan* pada ketika itu, Nurbanu Sultan antara 1570M dan 1579M. (Duzbakan, 2006). Selain itu, Kosem Sultan iaitu ibu kepada sultan Murad IV dan Ibrahim I mewakafkan sebuah karavanserai yang besar di kawasan komersil di Istanbul dan terdapat di dalamnya sebuah masjid. Manakala Turhan Sultan iaitu ibu kepada Sultan Mehmed IV pula mewakafkan dua buah kubu pertahanan di pintu masuk ke Dardanelles serta masjid besar Yeni Cami di Eminonu, Istanbul pada separuh abad ke-17M (Singer, 2009). Terdapat bangunan yang sangat penting yang ditaja oleh wanita diraja di Istanbul antara abad ke-16 dan ke-17 contohnya kompleks *haseki* dan tempat mandi oleh Hurrem Sultan, kompleks Mihrimah Sultan di Üsküdar dan Edirnekapi dan kompleks baru bagi *Valide* (*Yeni Cami*) di Eminönü yang dibina oleh Safiye Sultan dan Turhan Sultan (Sumertas, 2008).

### 3. Penutup

Kesimpulannya, *valide sultan* merupakan status yang tertinggi dalam stratifikasi sosial golongan harem oleh yang demikian berlaku pertembungan bagi merebut kedudukan isimewa itu. Perubahan yang berlaku dalam urusan pentadbiran dawlah pada abad ke-16M dan abad ke-17M adalah salah satunya disebabkan oleh pengaruh golongan harem yang semakin dominan. Situasi ini berlaku disebabkan kelemahan para sultan pada era tersebut yang mana kelemahan tersebut juga berpunca dan berbalik daripada sikap *valide sultan* itu sendiri dalam mendidik anaknya. Peranan yang dimainkan oleh *valide sultan* yang berkuasa di sebalik pemerintahan anaknya merupakan suatu tindakan yang luar daripada kebiasaan dalam pengurusan politik sesebuah kerajaan. Pengaruh yang dimainkan oleh valide sultan ini sering kali membawa konotasi negatif walhal pada hakikatnya sebenarnya terdapat fakta yang disalah tafsir. Tidak dapat dinafikan sememangnya pengaruh tersebut juga terdapat sisi negatifnya namun dalam masa yang sama juga adalah sebaliknya.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat empat bentuk pengaruh utama yang dimainkan oleh *valide sultan* dalam pentadbiran Dawlah ‘Uthmaniyyah. Yang pertama ialah aspek politik yang mana terdapat campur tangan dalam menentukan pelantikan putera mahkota. Selain itu, bentuk pengaruh yang kedua adalah campur tangan dalam pentadbiran istana yang melibatkan urusan latihan dan didikan yang sepatutnya diterima oleh putera mahkota sebelum menjadi

sultan, malah *valide sultan* juga terlibat sama dalam menentukan pelantikan pegawai kerajaan di dalam istana. Yang ketiga pula ialah *valide sultan* turut terlibat sama dalam menentukan ekspedisi ketenteraan dawlah pada ketika itu. Manakala yang terakhir pula, pentadbiran wakaf juga merupakan antara bentuk pengaruh *valide sultan* pada ketika itu di mana terdapat beberapa projek pembinaan infrastruktur dan fasiliti yang dibina atas namanya atau diwakafkan sendiri.

## Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. (2019). Ensklopedia Sejarah Turki: Membongkar Sejarah Zaman Sebelum Uthmaniyyah dan Zaman Uthmaniyyah. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Agoston, Gabor. (2009). in Encyclopedia of the Ottoman Empire. New York: Facts on File, Inc.
- Akgunduz, Ahmed & Ozturk, Said. 2011. Ottoman History Misperceptions and Truths. Trans. Ismail Ercan. Rottendam: IUR Press.
- Atçıl, Zahit. (2016). Why did Sulayman the Magnificent execute his son Şehzade Mustafa in 1553?. *The Journal of Ottoman Studies*. XLVIII: 67-103.
- Düzbakar, Ömer. (2006). Charitable women and their pious foundations in the Ottoman Empire: The hospital of the senior mother, Nurbanu valide sultan. *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine (JISHIM)*. 5: 11-20.
- Evrensel, Ayse Y. & Minx, Tiffany. (2016). An institutional approach to the decline of the Ottoman Empire. Eastern Economic Conference. Washington, 25-28 Februari.
- Fadhlullah Jamil. (2011). Sisi gelap Kerajaan Uthmaniyyah: satu pengajaran berharga. Kertas kerja Seminar Baldatun Tayyibah II: Model Uthmaniyyah. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia & Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Findley, Carter Vaughn. (2006). Political culture and the great households. Dlm. Suraiya Faroqhi (pnyt.). *The Cambridge History of Turkey: The Later Ottoman Empire, 1603–1839*, hlm. 65-79. New York: Cambridge University Press.
- Greene, Molly. (2009). in Encyclopedia of the Ottoman Empire. New York: Facts on File, Inc.
- Halīm, Ibrāhīm Bik. (1988). *Tārīkh al-Dawlah Al-Uthmāniyyah al-'Aliyyah, Al-Ma'rūf Bi Kitāb al-Tuhfah al-Halimiyyah Fī Tārīkh al-Dawlah al-Aliyyah*. Beirut: Muassasah Al-Kutub Al-Thaqāfiyyah.
- Junne, George. (2016). *The Black Eunuchs of the Ottoman Empire Networks of Power in the Court of the Sultan*. London: I. B. Tauris & Co. Ltd.
- Lapidus, Ira Marvin. (2014). A History of Islamic Societies. New York: Cambridge University Press.
- Mehmet, Emin Salgamcioglu et. al. (2017). Topkapi Palace: Reflections on Social and Spatial Order. *Proceedings of the 11th Space Syntax Symposium*. Lisbon: 3 - 7 July.
- Mohamad Shaukhi Mohd Radzi. (2012). *Proses Pembaratan dalam Daulah Uthmaniyyah (1789-1876)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Sejarah ringkas kebangkitan dan kejatuhan kerajaan Islam Uthmaniyyah. Kertas kerja Seminar Baldatun Tayyibah II: Model Uthmaniyyah. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia & Imtiyaz Multimedia & Publications.

- Neumann, Christoph K. (2006). Political and diplomatic development. Dlm. Suraiya Faroqhi (pnyt.). *The Cambridge History of Turkey: The Later Ottoman Empire, 1603–1839*, hlm. 44-64. New York: Cambridge University Press.
- Nurul Ashikin Abdul Hamid. (2004). Daulah Uthmaniyah sehingga tahun 1807M: kajian mengenai kemerosotan. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peirce, Leslie P. (1993). *The Imperial Harem Women and Sovereignty in the Ottoman Empire*. Oxford: Oxford University Press.
- Shaw, Stanford J. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*. Jil. 2. New York: Cambridge University Press.
- Singer, Amy. (2009). in Encyclopedia of the Ottoman Empire. New York: Facts on File, Inc.
- Sümertas, Firuzan Melike. (2008). Women and power: Female patrons of architecture in 16th and 17th century Istanbul. *Edinburgh Architecture Research*. 31: 83-89.
- The New Encyclopaedia Britannica. (1995). Vol. 5. Chicago: Encyclopedia Britannica.